



JABATAN PENDIDIKAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
PERSIARAN TUANKU SYED SIRAJUDDIN
50604 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Telefon: 03 - 6203 7777
Fax : 03 - 6203 7788
Portal: <http://jpwarki.moe.gov.my>



Ruj. Kami : JPNWP.300-1/24(13)
Tarikh : 5 Sept 2016

**Semua Pengetua
Sekolah Berstatus Pusat Tanggung Jawab (PTJ)**

Tuan/puan,

**STATUS KEMUDAHAN RANGKAIAN BAGI PEMBEKALAN KOMPUTER 1GFMS
SECARA KONTRAK SEWAAN OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pembekalan 3 unit komputer 1GFMS secara kontrak sewaan kepada semua sekolah berstatus PTJ telah dibuat mulai Disember 2015 oleh Syarikat HLA Integrated Sdn. Bhd. Tuan/puan adalah bertanggungjawab memastikan pegawai penerima yang telah dilantik di organisasi tuan/puan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i) Semua komputer yang dibekalkan dipasang di lokasi,
- ii) Semua komputer berada dalam rangkaian 1GovNet (ada capaian internet) dan
- iii) Membuat instalasi perisian yang diarahkan oleh Bahagian Akaun, Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Bagi membolehkan semua komputer berada di dalam rangkaian 1GovNet, pihak sekolah perlu menggunakan peruntukan kewangan sendiri kerana Bahagian Akaun, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak menyediakan kemudahan rangkaian semasa membuat pembekalan komputer.

4. Sebarang pertanyaan sila hubungi Cik Zarina Binti Mohamad Zakaria (03-62036021).


Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HAJAH FOZIAH BINTI BUANG)
Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

"GEMILANG DALAM KALANGAN YANG CEMERLANG"



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO.:AR4166



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO.:AR4166